



## Fullerton Markets Menuntut WikiFX Memperbetulkan Ketidaktepatan yang Diterbitkan di Lamannya

Kingstown, Saint Vincent dan Grenadines (28 Mei 2020) – Fullerton Markets sedang menuntut kerjasama sepenuhnya dari WikiFX dalam mematuhi beberapa pindaan kesalahan berkaitan dengan pembrokeran di laman web WikiFX. Hal ini berikutan tindakan sambil lewa oleh pihak WikiFX walaupun Fullerton Markets telah mengeluarkan Surat Tuntutan rasmi yang menyatakan bahawa maklumat palsu yang diterbitkan di dalam halaman dalam taliannya perlu diperbetulkan dalam masa tujuh (7) hari.

Walaupun telah diberi masa secukupnya untuk melakukan semakan yang relevan, kesalahan berikut masih berada di laman WikiFX:

### 1) Fullerton Markets mempunyai 'Lesen Regulatori Mencurigakan' dan 'Skop Perniagaan yang Mencurigakan':

**Pembetulan:** Fullerton Markets International Limited merupakan syarikat pembrokeran sah yang berdaftar di Saint Vincent dan Grenadines sebagai sebuah Syarikat Perniagaan Antarabangsa. Ia melayani para pelanggan antarabangsa dengan memfokuskan kepada keselamatan dana, kecepatan pelaksanaan dan sistem penciptaan kekayaan.

### 2) Lesen Newert Fullerton Markets telah dibatalkan:

**Pembetulan:** Walaupun telah berdaftar sebelum ini/ ibu pejabat di New Zealand, Fullerton Markets Limited telah secara sukarela membatalkan pendaftaran sebagai entiti New Zealand pada tahun 2018, seperti yang dipaparkan di halaman Daftar Penyedia Perkhidmatan Kewangan. Perpindahan ke Saint Vincent dan Grenadines merupakan keputusan yang dipengaruhi oleh kehendak untuk mengekalkan keunggulan daya saingnya, dalam lingkungan yang memberarkannya. Beroperasi di bawah bidang kuasa luar persisiran memastikan Fullerton Markets berterusan memberikan perkhidmatan serta pengalaman yang lebih baik kepada pelanggannya.

### 3) Fullerton Markets sebagai klon yang mencurigakan dari syarikat yang lain di United Kingdom:

**Pembetulan:** Fullerton Markets tidak mempunyai jalinan atau urusan perniagaan dengan Fullerton Capital Markets Limited di UK. Fullerton Markets tetap didaftarkan di Saint Vincent dan Grenadines dan bukan klon entiti seperti yang telah dinyatakan secara salah oleh WikiFX.

### 4) Fullerton Markets yang menyediakan 'MT4/5 White Label' atau 'Non-MT4/5 Software' kepada para pelanggan:

**Pembetulan:** Fullerton Markets mengendalikan platform dan server MT4 sendiri yang digunakan oleh ribuan pedagang yang sedang menggunakan. Pelanggan boleh memasuki platform perdagangan Fullerton Markets dengan mudah dan selamat melalui [Fullerton Suite](#).

WikiFX telah menyatakan bahawa bayaran pengesahan lesen sebanyak USD10,000 setiap tahun akan dikenakan sekiranya Fullerton Markets ingin melakukan semakan terhadap perincian pendaftaran/lesen menerusi laman webnya. Fullerton Markets telah menolak melakukan pembayaran tersebut.

---

#### Fullerton Markets International Limited

First Floor, First St. Vincent Bank Ltd Building  
James Street, P.O. Box 1574  
Kingstown, VC0100  
St. Vincent and the Grenadines  
Company No.: 24426 IBC 2017

**Phone:** +44 20 3808 8261

**Email:** [corporate@fullertonmarkets.com](mailto:corporate@fullertonmarkets.com)

**Web:** [www.fullertonmarkets.com](http://www.fullertonmarkets.com)



Ketua Pegawai Eksekutif Fullerton Markets, Mario Singh berkata: "Kurangnya ketepatan dalam maklumat yang disampaikan oleh WikiFX dan penolakannya untuk mematuhi permintaan rasmi untuk membetulkan kesilapan yang telah diterbitkan bertentangan dengan pernyataanya bahawa ia memberikan 'penilaian kualitatif dan kuantitatif mengenai tahap peraturan dan risiko' broker yang disenaraikan untuk 'menawarkan penyelesaian keselamatan utama untuk pelabur individu, syarikat dan institusi kerajaan'. Ketidaktepatan seperti itu merosakkan integriti sebagai platform/sumber yang dipercayai bagi komuniti perdagangan dan secara tidak sengaja mengurangkan kredibiliti broker yang sah, seperti Fullerton Markets, dalam industri ini."

#### **Mengenai Fullerton Markets International Limited**

Fullerton Markets adalah broker pemenang anugerah yang diiktiraf sebagai kekuatan yang menggemparkan industri perdagangan. Berkomitmen untuk memberikan keselamatan dana yang tiada tandingannya, pelaksanaan kecepatan kilat dan sistem penciptaan kekayaan yang dipercayai, ia menawarkan laluan masuk langsung kepada pelanggan globalnya ke pasaran kewangan terbesar di dunia. Ia juga menjanjikan kestabilan harga pada kadar yang kompetitif melalui *liquidity providers* peringkat utama. Dengan melengkapkan pelanggan dengan alat serta pengetahuan yang diperlukan, Fullerton Markets memberi peluang kepada pedagang untuk bersaing di pasaran secara efektif.

---

**Fullerton Markets International Limited**  
First Floor, First St. Vincent Bank Ltd Building  
James Street, P.O. Box 1574  
Kingstown, VC0100  
St. Vincent and the Grenadines  
Company No.: 24426 IBC 2017

**Phone:** +44 20 3808 8261  
**Email:** corporate@fullertonmarkets.com  
**Web:** www.fullertonmarkets.com